

Kata-kata Sakti Pilihan Daripada al-Qur'ān, al-Hadīth dan Hukama'

(Dikumpul, diterjemah dan disusun oleh: Abdul Aziz al-Murshidi)

Al-Qur'ān

Wahai orang-orang yang beriman! Telah diwajibkan di atas kamu berpuasa sebagaimana (puasa itu) telah diwajibkan ke atas umat manusia sebelum kamu. Mudah-mudahan (dengan amalan puasa itu) kamu menjadi orang-orang yang takwa.

(Surah al-Baqarah ayat: 183)

* * *

Bulan Ramaḍān itu yang diturunkan padanya al-Qur'ān (untuk dijadikan) pertunjuk bagi manusia dan menjadi keterangan-keterangan bagi pertunjuk itu dan memperbezakan (di antara yang hak dan yang batil). Barang siapa di antara kamu yang melihat bulan (Ramaḍān), maka hendaklah ia berpuasa dan barang siapa di antara kamu yang sakit ataupun di dalam pelayaran, (lalu kamu berbuka) maka hendaklah kamu mengulangnya (wajib berpuasa sebanyak hari yang ditinggalkannya itu) pada hari yang lain. Allah mengkehendaki kelonggaran dan bagi kamu, dan ia tidak mengkehendaki kesempitan bagi kamu.

(Surah al-Baqarah ayat: 185).

* * *

Dihalalkan bagi kamu pada malam puasa mencampuri isteri-isteri kamu, mereka itu adalah pakaian kamu dan kamu adalah pakaian mereka.

(Surah al-Baqarah ayat: 187).

Al-Hadīth

Barang siapa yang tidak meninggalkan perkataan keji (seperti mengumpat, memaki dan berdusta) dan ia tetap melakukannya, maka Allah tidak memerlukan orang itu meninggalkan makan dan minumannya (yakni berpuasa).

(Al-Bukhārī, Aḥmad, al-Tirmidhī, Abū Dāwud).

* * *

Setiap amalan yang dilakukan oleh anak Ādam (manusia) adalah kepunyaannya, melainkan puasa, maka ia adalah kepunyaan-Ku dan Akulah yang akan membalasnya, manusia itu meninggalkan makan dan minumannya semata-mata (ikhlas) kerana Aku. – Hadith *qudsī*. (Al-Bukhārī dan Muslim).

* * *

Apabila tiba bulan Ramaḍān maka dibukalah pintu-pintu syurga, ditutup pintu-pintu neraka dan dibelunggu syaitan-syaitan.

(Al-Bukhārī dan Muslim).

* * *

“Sesungguhnya di dalam syurga itu satu pintu yang dinamakan “*Rayyān*”. Daripada pintu itulah masuk orang-orang yang berpuasa pada Hari Kiamat. Allah lantas berfirman: Di manakah orang yang berpuasa? Mereka pun terus bangun. Tidak masuk ke dalamnya selain daripada orang-orang yang berpuasa, apabila mereka telah masuk pintu itu lantas ditutup, tiada seorang jua pun yang masuk ke dalamnya.

(Al-Bukhārī dan Muslim).

Hukama

Puasa adalah suatu amalan yang yang meneguhkan peribadi, menghidupkan semangat dan fikiran tubuh badan untuk persediaan menghadapi gelombang hidup yang penuh dengan percubaan-percubaan dan ujian-ujian di maya-pada ini.

(‘Abd Allāh al-Mishārī al-Rawḍān)

* * *

Amalan puasa mengajar kita supaya hidup kasih-mengasihi, tolong-menolong di antara sesama manusia. Menanamkan ke dalam jiwa kita perasaan insaf di atas nasib hidup malang yang dialami oleh saudara-saudara kita dari golongan fakir miskin.

(Al-Shaykh Ḥassan Ma'mūn).

* * *

Ramaḍān adalah bulan kemenangan bagi umat Islam di zaman silam. Pada bulan Ramaḍān tentera-tentera Islam menang di dalam peperangan Badar. Pada bulan Ramaḍān tentera-tentera Islam membuka Kota Makkah dan menghancurkan berhala-berhala yang disembah oleh *kuffār* Quraysh, pada bulan Ramaḍān Allah menepati janji-Nya memberi kemenangan kepada orang-orang Muslimin di dalam peperangan Tabūk sehingga menggoncangkan kedudukan kerajaan Rom. Pada bulan Ramaḍān ini juga pahlawan Islam Ṭāriq bin Ziyād berjaya membuka kota Andalus di Spain.

(Ibrāhīm ‘Alī Shu'ūt).